

Kafe Siswa Niaga UMS dilancarkan

UB 3.5.2018 B2

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Majlis Pelancaran Kafe Siswa Niaga pada 17 April 2018 bertempat di Kiosk Kesumba, UMS.

Kafe Siswa Niaga UMS ini adalah yang pertama diwujudkan dan adalah model Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia iaitu '*Learn and Earn*' bertujuan mengurangkan mahasiswa/i bergantung kepada bantuan-bantuan sedia ada.

Di samping itu, ia menanam budaya berdikari mahasiswa dan menghargai setiap pendapatan yang diperolehi.

Gimik pelancaran majlis ini dirasmikan oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kamarudin D. Mudin.

Turut hadir pada majlis ini adalah Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Dr. Ismail Ali, pegawai-pegawai utama dan kanan UMS, pegawai-pegawai dan staf HEPA serta barisan Majlis Perwakilan Pelajar dan mahasiswa/i UMS.
